

BERKEBUN ISI MASA LAPANG KETIKA PKP

Oleh: Izzah 'Atirah binti Hanipah, 1171782,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 13 Ogos 2020



Setiap yang berlaku pasti ada hikmah di sebaliknya. Begitulah yang dapat kita simpulkan melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac sehingga 9 Jun 2020.

Siapa sangka COVID-19 yang dianggap sebagai satu musibah ternyata meninggalkan hikmah yang cukup besar untuk kita semua.

Salah satu hikmahnya adalah memberi peluang kepada rakyat Malaysia khususnya yang tinggal di bandar untuk mengusahakan kebun di halaman rumah masing-masing.

Tidak dinafikan, kesibukan bekerja seharian telah menyebabkan masyarakat tidak dapat meluangkan masa untuk bercucuk tanam.

Namun, apabila COVID-19 melanda, rakyat Malaysia terpaksa berkurung di dalam rumah dan menjadikan mereka kreatif untuk mengisi masa lapang mereka dengan pelbagai idea seperti memanfaatkan ruang-ruang kosong di sekitar rumah untuk berbakti pada tanah.

Usaha selama 84 hari sepanjang tempoh PKP sebelum Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dikuatkuasakan telah menampakkan hasil.

Sebahagian rakyat berkongsi dalam Facebook tentang transformasi kawasan tanah kosong yang kemudiannya dipenuhi dengan pelbagai tanaman seperti sayur-sayuran dan bunga-bunga.

Bukan hasil tanaman sahaja yang dikongsi malah cara untuk menanam dan membuat baja sendiri dari hasil bahan buangan dari dapur juga dapat dipelajari.

Salah satu kumpulan Facebook yang menumpukan terhadap kegiatan pertanian iaitu Kebun Bandar: Jom Tanam Sendiri telah mengumpulkan hampir 500 ribu ahli.

Pelbagai kisah tentang hasil tanaman yang diusahakan telah dimasukkan ke dalam laman sosial tersebut.

Salah seorang ahli kumpulan itu ialah seorang guru sekolah rendah, Siti Hasnah, 33, yang tinggal di Parit Raja, Johor.

Beliau telah menggunakan sepenuhnya tanah di halaman rumahnya untuk menanam pelbagai jenis sayuran seperti bayam brazil, terung, salad dan cili.

Katanya, “Saya mendapat idea membuat kebun bandar ini setelah melihat satu perkongsian yang menjadi tular dalam Facebook dan memikirkan tentang pelbagai manfaat buat seisi rumah, maka saya meneruskan hajat untuk mencuba perkara ini.”



Beliau juga tidak menyangka bahawa hasil daripada penanaman selama 45 hari sepanjang tempoh awal PKP tersebut bukan sahaja dapat menampung keperluan sayur-sayuran seperti terung dan kubis malah dapat pula berkongsi rezeki bersama jiran-jiran.

Sememangnya, perbuatan berbudi kepada tanah tidak merugikan malah boleh mendatangkan keuntungan dan menyihatkan badan kita.